



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 Jld.2()

TARIKH: 23 April 2012

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL 2 TAHUN 2012 PELAKSANAAN KEHADIRAN DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM PERAKAM WAKTU ELEKTRONIK (e-HADIR) VERSI 2	
DARIPADA : PENGARAH CIAST	SALINAN : KP JPK
KEPADA : SEMUA KAKITANGAN CIAST	
MELALUI : TP DAN SEMUA KETUA BAHAGIAN/PROGRAM	

1. TUJUAN

Memaklumkan pelaksanaan peraturan kehadiran kakitangan dengan menggunakan Sistem Perakam Waktu Elektronik (e-Hadir) Versi 2 di CIAST.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Semakan semula Arahan Pengurusan Bil 11/2011 dilakukan bagi memantapkan peranan penyelia dan HOD serta penyelarasan tindakan dalam pelaksanaan eHadir.
- 2.2 Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 menetapkan panduan penggunaan kad perakam waktu bagi merekod kehadiran kakitangan awam.
- 2.3 Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004 telah membenarkan jabatan menggunakan Sistem Perakam Waktu Elektronik menggantikan penggunaan kad perakam waktu.
- 2.4 Penggunaan cap jari ketika hadir dan balik bertugas dapat menentukan kehadiran sebenar seseorang kakitangan. Ini dapat memberi ketepatan kehadiran dan membolehkan sistem pelaporan kehadiran dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, kemaskini dan secara talian terus.

3. ARAHAN

- 3.1. Semua kakitangan CIAST hendaklah menentukan telah **mendaftar** dibawah Sistem Perakam Waktu Elektronik di Unit Pentadbiran di Bahagian Khidmat pengurusan.
- 3.2 **Setiap kakitangan hendaklah mematuhi peraturan pelaksanaan aplikasi eHadir seperti berikut**

*Semua warga PEM
mohon dpt. beri perhatian
dan tindakan sewajarnya selepas ini.
24/4*

